

TEKS UCAPAN

BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSELOR

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

BERSEMPENA MAJLIS RESEPSI DAN DOA SELAMAT
SEMPENA PERPINDAHAN PPK MEKATRONIK DAN PPK
PEMBUATAN KE KAMPUS TETAP ULU PAUH

PADA 2 NOVEMBER 2009

Bismillah Hirrahman Nirrahim

***Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam 1Malaysia.***

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Cao Shang
Hao, Saba Hunhair.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti, Dekan – Dekan Dan
Ketua-Ketua Jabatan,

Wakil-Wakil Media yang dikasihi, Para kakitangan UniMAP
seterusnya hadirin yang hormati sekalian,

Ladies and gentlemen,

I am most grateful to Allah for His blessings in giving us the opportunity to gather here today on the occasion of **Majlis Resepsi Dan Doa Selamat Sempena Perpindahan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik Dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan Ke Kampus Tetap Ulu Pauh**. Alhamdulillah, we finally made it here. I am very thrilled to be here today to celebrate the completion of two schools , School of Mechatronics and School of Manufacturing.

Please allow me to extend my appreciation and congratulate the organizing committee for a job well done. I am very pleased that after seven years since our establishment, UniMAP finally has its own campus, the Nature Campus. I hope it is worth the wait.

Walking down the memory lane, we started with only two courses in 2002 and without a main campus. Today, we could stand tall and be proud of ourselves that two of our engineering schools are now moving in to Ulu Pauh. This sweet success would not have been possible without valued support from the whole team.

Hadirin hadirat sekalian,

Alhamdulillah, impian kita untuk memiliki kampus tetap semakin hampir menjadi kenyataan. Walaupun baru dua pusat pengajian siap di bina dan akan berpindah secara berfasa, namun ianya sesuatu yang amat berharga dan bersejarah buat kita semua. Semestinya 2 November 2009 bakal menjadi satu lagi tarikh keramat yang akan tercatit dalam diari UniMAP untuk selamanya. Pembinaan dua pusat pengajian ini mula dijalankan pada 2007 dan siap dibina sepenuhnya pada ogos baru-baru ini. Mulai hari ini, kedua-dua pusat pengajian ini akan mula beroperasi di Kampus Alam, dimana perpindahannya akan dilakukan secara berperingkat dalam tempoh dua minggu. Sebelum ini kedua-dua pusat pengajian ini ditempatkan di Taman Muhibbah, Jejawi.

Seperti yang semua sedia maklum, UniMAP yang dahulunya dikenali sebagai KUKUM mula ditubuhkan pada Julai 2001 dan mula beroperasi di kampus sementara di Kubang Gajah, Arau, Perlis sebelum menjadikan beberapa kawasan di Perlis sebagai perkarangan kampus. UniMAP dikenali sebagai kampus berkonsepkan ‘distributed campus’ dan konsep sebegini adalah dilihat bertepatan dengan impian kerajaan negeri Perlis untuk menjadikan negeri Perlis sebagai ‘negeri ilmu’ sejajar dengan hasrat Perlis Maju 2015.

Hal ini kerana, untuk ke perpustakaan para pelajar harus ke Kangar iaitu ke bangunan KWSP yang menempatkan Jabatan

Canselori, Jabatan Pendaftar, makmal serta perpustakaan. Di Kubang Gajah, Arau pula terdapat Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi. Di Jejawi pula ditempatkan bangunan pusat-pusat pengajian dan manakala di Kuala Perlis sendiri terdapatnya pusat kejuruteraan UniMAP, makmal serta kolej-kolej kediaman. Disebabkan ia terdapat di merata-rata tempat di negeri Perlis ini, maka UniMAP dikenali sebagai 'distributed campus' atau kampus teragih.

Justeru itu memiliki sebuah kampus tetap yang dilengkapi pelbagai kemudahan dan infrastruktur adalah menjadi impian semua warga UniMAP. Atas dasar itu, kerajaan telah menunjukkan komitmennya untuk membangunkan kampus UniMAP di Pauh ini. Saya percaya dengan memiliki kampus tetap, secara tidak langsung menggalakkan pertambahan bilangan pelajar dalam bidang kejuruteraan yang dilihat bakal mencorak hala tuju pembangunan negara masa hadapan.

Hadirin sekalian,

Perpindahan dua Pusat pengajian ini merupakan satu transformasi baru buat UniMAP dalam rangka melahirkan jurutera yang cemerlang dan mampu menembusi permintaan pasaran kerja masa kini selaras dengan hasrat kerajaan yang mahukan Malaysia mempunyai jurutera yang berdaya saing dan berinovatif.

Suka saya ingatkan kepada para pensyarah, para pentadbir dan juga siswa-siswi yang bakal memulakan kehidupan baru mereka di Kampus Alam ini agar sama-sama memberikan komitmen yang terbaik dalam membangunkan dan mempertahankan UniMAP sebagai sebuah IPTA yang unggul dan gah di persada dunia.

Justeru itu, saya berharap semua pihak harus bertekad memainkan peranan masing-masing untuk mempertingkatkan lagi mutu dan hasil kerja UniMAP. Jadilah golongan pencipta, pakar, dan pembentuk ilmu serta kemahiran baru - "creators of new knowledge and new skills for the 21st century" - agar kita dapat menangani era digital, era k-ekonomi, dan era globalisasi dengan berkesan. Jadikan UniMAP antara institusi yang terulung di persada pendidikan serta penyelidikan serantau dan antarabangsa.

Saya percaya dengan siapnya dua pusat pengajian ini akan memberi sumbangan yang begitu besar, bukan sahaja kepada warga universiti ini, bahkan kepada pembangunan pengajian tinggi negara juga. Dengan kewujudan ini, akan bertambahlah lagi peluang-peluang bermutu untuk anak bangsa melanjutkan pelajaran mereka, dan seterusnya memajukan diri, masyarakat, bangsa dan negara.

Hadirin sekalian,

Pembangunan modal insan berkualiti adalah antara faktor terpenting dalam memastikan pembangunan negara yang mapan. Sistem pendidikan negara yang berkualiti, khususnya pada tahap pengajian tinggi, merupakan saluran utama untuk membangunkan modal insan yang dikehendaki. Saya berharap dengan siapnya dua pusat pengajian ini, seluruh warga UniMAP, sama ada pelajar, tenaga pengajar dan pihak pentadbiran, akan lebih bersemangat dalam menunaikan tanggungjawab masing-masing. semoga negara kita akan lebih kaya dengan modal insan yang mampu merealisasikan hasrat dan cita-cita negara agar terus cemerlang, gemilang dan terbilang di mata dunia.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang telah menyumbang ke arah pembangunan kampus tetap ini. Sama-samalah kita memanfaatkan Kampus Alam ini dengan sebaik mungkin.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh